UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

SIDANG AKADEMIK 2020/2021

HST225 – SEJARAH TANAH BESAR ASIA TENGGARA

# Bincangkan konsep moral ekonomi petani dan sejauh mana konsep ini dapat menjelaskan reaksi petani Vietnam kepada penjajahan Perancis dari lewat kurun ke-19 hingga 1941.


DISEDIAKAN OLEH:

**Muhammad Hafizudin bin Muhamad (141067)**

**Nur 'Awatif binti Azizan (143123)**

**Noor Atiqah Binti Asmawi (141122)**

**Norfaryana Aini Binti Sabar (143120)**

DISEDIAKAN UNTUK:

**Dr. Tan Chee Seng & Dr. Mohd Firdaus bin Abdullah**




# PENGENALAN

- Menyingkap sejarah penjajahan Perancis di Vietnam bermula pada tahun 1884.
- Namun begitu, sebelum kedatangan Perancis, Vietnam telah diperintah oleh kuasa besar dunia iaitu China.
- Setelah kedatangan Perancis, pemerintahan di Vietnam berbentuk pemerintahan kolonial.
- Pemerintahan kolonial bermaksud sebuah sistem pemerintahan yang mana Negara menjajah menguasai rakyat dan sumber daya saing dan kekayaan Negara yang dijajah.
- Jika dilihat dengan lebih jelas, pemerintahan Perancis sebenarnya lebih kepada penindasan dan pengeksploitasian struktur ekonomi.
- Hal ini dikatakan demikian kerana, Vietnam sangat kaya dengan hasil bumi yang belum diterokai oleh rakyat Vietnam itu sendiri kerana keterbatasan ilmu pengetahuan dan peralatan yang digunakan masih bersifat tradisional.



# KONSEP MORAL EKONOMI PETANI VIETNAM

James C Scott



Samuel Popkin

# James C Scott

*(The Moral Economy of The Peasant : Rebellion and Subsistence in Southeast Asia)*

- Petani ialah kelompok yang mengamalkan gaya hidup **saling bekerjasama, tolong menolong antara satu sama lain, melihat masalah sebagai masalah yang kolektif, ,mematuhi prinsip kesamaan dan hak moral petani** untuk mendapatkan kehidupan yang secukupnya.
- Para petani di Vietnam **mengamalkan norma sara diri**.
- Jika seseorang petani mengalami situasi yang mampu menjejaskan kelangsungan hidup mereka, mereka akan segera menjual dan menggadai harta benda yang dimiliki mereka untuk meneruskan kehidupan. James melihat bahawa golongan petani adalah manusia yang terikat secara statik dengan ekonomi mereka.
- Ekonomi, pertanian dan juga tingkahlaku sara diri merupakan usaha seseorang petani untuk menghasilkan bekalan beras yang cukup untuk keluarga selain simpanan bekalan makanan yang lain seperti garam, kain dan sebagainya.

# Samuel Popkin

## *(The Rational Peasant : The Political Economy of Rural Society in Vietnam)*

- Samuel Popkin berpendapat bahawa, tindakan para petani menentang atau melakukan perlawanan bukan kerana moral ekonomi untuk mempertahankan komuniti tradisional yang ada.

- Melalui pendekatan politikal ekonomi beliau, beliau berpendapat bahawa petani merupakan golongan yang rasional dan bertindak meningkatkan kepentingan bagi diri mereka sendiri.

- Melalui pendekatan moral pula ianya bersifat kontra

# PERNYATAAN TESIS

Kami bersetuju bahawa konsep moral ekonomi petani yang dibawa oleh James C Scot dapat menjelaskan reaksi petani Vietnam kepada penjajahan Perancis dari lewat ke-19 hingga 1941





# PERUBAHAN DASAR EKONOMI PERTANIAN

Terhadap Petani di Vietnam

# 1. SISTEM PERTANIAN KOMERSIAL

- Pada mulanya, dasar ini diperkenalkan untuk membantu ekonomi penduduk pribumi.
- Pengenalan kepada sistem pertanian komersial telah menyebabkan masyarakat petani di Vietnam menghadapi risiko yang tinggi.
- Sikap Perancis cenderung untuk mengumpul kekayaan dan hanya bermatlamat untuk mendapatkan keuntungan.
- Melanggar konsep “Safety First” - James Scot
- Petani di Vietnam melihat pertanian komersial lebih memberi beban.

# 2. PENGENALAN DASAR CUKAI

"**Tenancy Systems**" dan "**Fixed Rent System**" (Sebelum kedatangan Perancis).

- **Cukai Tanah**
  - Cukai yang dikenakan untuk setiap tahun setiap hektar mengikut pergolongan tanah.
  - Sebanyak 10% bagi hasil tuaian setiap hektar.
  - Pungutan cukai akan tetap dibuat walaupun dalam keadaan buruk hasil pertanian tidak menjadi.
- **Cukai Kepala**
  - 10-20% hasil pendapatan selepas membayar cukai tanah dikehendaki untuk membayar cukai kepala.
  - Setiap daerah dikenakan cukai kepala yang berbeza-beza.
  - Tonkin : a. 0.50 piaster (petani tempatan)<br>b. 2.5 piaster (lelaki dewasa) yang namanya telah berdaftar<br>c. 0.4 piaster bagi yang tidak berdaftar
  - Sekiranya tidak mampu membayar hasil tuaian akan disita



# 3. DASAR MONOPOLI TIGA KEPALA

- Dikenali sebagai “triple-headed of the monopolies”.
- Alkohol, Garam, Candu

- 20 Juta Piaster • 1899
- 32 juta Piaster • 1903
- 42 Juta Piaster • 1911

**a) Alkohol**

- Mengenakan cukai yang tinggi dan memonopoli pembuatan dan penjualan alkohol
- Contoh wain beras
- Lesen diberikan kepada orang Perancis dan Cina.
- 1 liter arak beras pada permulaan hanya sekitar 5- 6 centime, meningkat kepada 29 centime 1906

**b) Garam**

- Keperluan utama penduduk vietnam
- Untuk membeli garam daripada pembuat garam dengan harga yang ditetapkan oleh **Pengarah Kewangan Perancis.**
- Cukai dari 0.05 piaster pada tahun 1892 kepada 2.25 piaster pada tahun 1906 setiap 100 kilogram
- Pelanggan perlu membayar sebanyak lima hingga sepuluh kali ganda lebih daripada harga asal

**c) Candu**

- Penyakit kepada masyarakat Vietnam
- Monopoli candu ini dilakukan meliputi pengeluaran, pembelian dan penjualan. (Jabatan Kastam)

# REAKSI PETANI VIETNAM TERHADAP PERANCIS



# PEMBERONTAKAN

1) PERISTIWA PEMBEROKTAKAN TAHUN 1908

- Pelaksanaan dasar oleh kolonial Perancis – Vietnam semakin meruncing.
- Kesempitan hidup yang dilalui oleh para petani menjadi salah satu sebab berlakunya revolusi.
- Petani Vietnam memberontak & tuntut Perancis hapuskan dasar buruh paksa, monopoli barangan & mengurangkan beban cukai.
- Pada awalnya, pemberontakan yang belaku secara aman hanya untuk mereka menunjukkan rasa tidak puas hati terhadap ketidakadillan yang berlaku.
- Tetapi kebangkitan ini dianggap sebagai tanda "memberontak" petani sehingga menimbulkan kemarahan Perancis lalu bertindak menangkap pemimpin – pemimpin pemberontakan seperti Phan Chan Trinh dengan menghantar mereka ke Pulau Condore.
- Bagi petani Vietnam, pihak Perancis telah menggunakan isu pemberontakan ini sebagai satu sebab untuk menjalankan dasar penindasan yang lebih meluas terhadap sebarang perbuatan untuk menghapuskan kedaulatan Perancis di Vietnam.
- Dasar – dasar tersebut telah meningkatkan lagi kemaharan orang Vietnam.



## 2. PEMBERONTAKAN NGHE- TINH SOVIETS

- Nghe- Tinh Soviets adalah satu pertubuhan yang banyak menentang penjajahan Peranchis dengan melakukan pelbagai siri pemberontakan, mogok dan demontrasi pada tahun 1930 dan 1931.
- Nama Nghe- Tinh ini adalah gabungan dua suku kata nama daripada provinsi Nghe- An dan Ha- Tinh dan pertubuhan ini banyak disertai oleh golongan petani dan buruh.
- Pertubuhan ini banyak melakukan pelbagai pemberontakan ke atas penjajahan Vietnam disebabkan dasar- dasar yang dikenakan oleh Peranchis yang tidak adil serta berat sebelah.
- Contohnya, kadar cukai yang tinggi dikenakan termasuklah pihak Peranchis yang memonopoli sumber ekonomi di Vietnam.

- Menurut buku Scott, hampir 2,000 orang Vietnam terkorban dalam memberontakan Soviet Nghe-Tinh ini.
- Pemberontakan ini tercetus disebabkan oleh kemiskinan yang dialami petani Vietnam terutama di utara Annam selepas kedatangan Peranchis.
- *"In 1906 and 1907, the Director of Agricultural Services recalled, I saw people dying of hunger on the roads and villages fighting one another to dig up potatoes"*[14].
- Petikan di atas diambil daripada buku *The Moral Economy of Peasant: Rebellion and Subsistence in Southeast Asia* menerangkan keadaan penduduk di kawasan Annam Utara mengalami kemiskinan yang teruk sehingga ada penduduknya mati kebuluran untuk mendapatkan makanan.
- Keadaan inilah menyebabkan orang Vietnam terutama golongan petani untuk bangkit menentang penjajahan Peranchis kerana dasar yang diperkenalkan Peranchis membawa kesengsaraan kepada mereka.

- Di Quynh Luu (Nghe- An), 600 orang petani mengadakan tunjuk perasaan untuk menurunkan harga garam yang dikenakan oleh Peranchis dan tindakan ini berjaya memaksa pegawai Peranchis dan pegawai kastam untuk memasukan nama mereka mengenai cukai garam ini.
- Pada awal September, satu demonstrasi telah berlaku di ibu kota Nam Dam dimana pejabat cukai alkohol dimusnahkan dan golongan mandarin yang penakut dipaksa untuk menandatangani surat rayuan dalam mengenai cukai.
- Tindakan yang dilakukan oleh petani ini merupakan gerakbalas terhadap penjajahan Peranchis atas dasar yang dikenakan mereka kepada penduduk Vietnam.

# 3. PEMBERONTAKAN CAO DAI, HOA HOA DAN ICP (INDO-CHINESE COMMUNIST PARTY)

- Cao Dai ditubuhkan pada tahun 1926 yang anggotanya diliputi oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk golongan petani Vietnam.
- Tujuan utama pertubuhan ini ditubuhkan adalah untuk mengembalikan pengaruh ekonomi dan politik orang Vietnam dan golongan petani Vietnam menyokong kuat pertubuhan ini disebabkan Cao Dai berjaya memberi pelindungan kepada petani daripada kerakusan mahkamah kolonial dan tuan- tuan tanah.
- Manakala pertubuhan Hoa Hoa ini menekankan prinsip persamaan manusia.
- Petani Vietnam menyokong pertubuhan ini adalah untuk membebaskan diri mereka daripada cengkaman tuan tanah.

- Selain pertubuhan ini, terdapat satu pertubuhan yang mendapat sambutan yang baik daripada golongan petani di Tonkin iaitu ICP (Indo-Chinese Communist Party) yang ditubuhkan pada 1930.
- Pertubuhan- pertubuhan ini memainkan peranan penting dalam mencetuskan pemberontakan di Vietnam atas ketidakpuasan terhadap dasar- dasar yang diperkenalkan oleh penjajahan Peranchis di Vietnam.
- Namun, pemberontakan seperti di Nghe- Tinh mula menurunkan pada disebabkan kebanyakan pemimpinnya telah dikesan dan ditangkap ataupun dibunuh.
- Golongan mandarin dan regim kolonial diletakan di kawasan desa untuk memperkukuhkan pertahanan dalam menentang kebangkitan golongan petani.

# KESIMPULAN



## Konsep Moral Ekonomi Petani Vietnam

- Petani mengamalkan gaya hidup saling melengkapi dalam kelompok mereka
- Petani di Vietnam ini mengamalkan amalan sara diri.
- Amalan ini merupakan tradisi Vietnam yang diamalkan sejak berzaman.



## Reaksi Pentani Vietnam Kepada Penjajahn Perancis

- Perubahan dasar ekonomi pertanian Vietnam
- Melanggar amalan dahulukan keselamatan
- Memaksimumkan keuntungan
- Penguasaan tanah oleh pihak Perancis
- Cukai dan pinjaman yang tinggi.

Secara umumnya, moral ekonomi petani terbahagi kepada dua iaitu kegiatan ekonomi subsistem dan kegiatan ekonomi sosial.

Kegiatan ekonomi subsisten adalah kegiatan ekonomi yang hanya diarahkan untuk memenuhi keperluan hidup (sara diri). Perilaku seperti itu tidak lahir dengan sendirinya atau sudah ada, melainkan dibentuk oleh keadaan alam sekitar dan sosial-budaya..

Kegiatan ekonomi rasional ialah kecenderungan masyarakat petani untuk memiliki pemikiran rational petani. Seorang petani pemilik tanah yang rasional tentu akan lebih gemar mengusahakannya sendiri dengan kaedah saling tolong menolong daripada mengambil buruh tani lain. Tetapi , tidak bermakna, seorang pemilik tanah akan selalu tunduk kepada tuan tanah. Semua tergantung pada situasi dan keadaan pada masa dan tempat tertentu.

# RUJUKAN


1. Abu Talib Ahmad, (Sejarah Tanah Besar Asia Tenggara, Edisi Kedua)
2. James C Scott
   *(The Moral Economy of The Peasant : Rebellion and Subsistence in Southeast Asia)*
3. Samuel Popkin
   *(The Rational Peasant : The Political Economy of Rural Society in Vietnam)*
4. William J Duiker *(The Communist Road To Power In Vietnam: Second Edition)*
5. Chu Trinh Phan *(Phan Châu Trinh and His Political Writings)*

# XIN CẢM ƠN
# (TERIMA KASIH)



